



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Kualiti dan
Pengembangan
Ilmu

IMBASAN PROGRAM *SHARING SESSION*

AKNC

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

yang telah diadakan pada 24 Mei 2021



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Kualiti dan
Pengembangan
Ilmu

IMBASAN PROGRAM *SHARING SESSION*

AKNC

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

yang telah diadakan pada 24 Mei 2021



PN. ROHAYU YUSOP
PENSYARAH KANAN
FAKULTI PERAKAUNAN



EN. JAMALLUDIN HJ. SULAIMAN
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



PROF. MADYA SR. DR. THURAIYA MOHD
KETUA UNIT KUALITI
UITM CAWANGAN PERAK

SIRI IMBASAN
PROGRAM *SHARING SESSION*
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)
SISIPAN MAKLUMAT BUAT PTJ DAN PESERTA

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), UiTM, Shah Alam telah julung kalinya menganjurkan Program *Sharing Session* Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2021 yang telah dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor InQKA, YBhg. Prof. Datin Dr. Suzana Sulaiman. Sesi perkongsian AKNC tersebut telah diadakan pada 24 Mei 2021 lalu dan telah dilaksanakan secara langsung menerusi platform laman sosial rasmi YouTube, UiTM Channel.

Buat pertama kalinya, InQKA menganjurkan sesi perkongsian AKNC ini sebagai satu inisiatif bagi membantu penambahbaikan pengurusan dan pentadbiran PTJ. Dalam sesi tersebut, InQKA telah menampilkan tiga panel jemputan yang merupakan sebahagian pemenang AKNC yang lalu iaitu Ketua Unit Kualiti, UiTM Cawangan Perak, Prof. Madya Sr. Dr. Thuraiya Mohd, Pensyarah Kanan, Fakulti Perakaunan, Puan Rohayu Yusop dan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Encik Jamalludin Haji Sulaiman.

Ikuti maklumat perkongsian setiap panel menerusi tiga siri khas artikel **Imbasan Program *Sharing Session* AKNC 2021**. Semoga imbasan sesi perkongsian ini memberikan manfaat dan idea bernas kepada semua PTJ dan penulis yang terlibat dalam penyediaan laporan AKNC 2021. Selamat maju jaya buat semua peserta AKNC 2021 dan jumpa November nanti!.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Kualiti dan
Pengembangan
Ilmu

IMBASAN PROGRAM *SHARING SESSION*

AKNC

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

24 MEI 2021

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

JUARA KESELURUHAN AKNC TAHUN 2019

JOURNEY OF QUALITY

PEMBELAJARAN BERTERUSAN TUNGGAK KEJAYAAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Imbasan Program *Sharing Session* AKNC 2021 mengimbau perkongsian oleh salah seorang panel undangan iaitu Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), En. Jamalludin bin Haji Sulaiman. Beliau bukan sahaja berkongsi mengenai pembudayaan AKNC di PTAR, namun turut juga berkongsi mengenai cabaran-cabaran yang dilalui dan *best practices* yang diamalkan oleh warga PTAR. Sepanjang penglibatan PTAR dalam AKNC, bermula 2006 hingga 2019, PTAR telah menjadi juara Kategori Bahagian sebanyak empat kali dan juara keseluruhan sebanyak tiga kali.

Pembudayaan AKNC di PTAR

Menyentuh pembudayaan AKNC di PTAR, En. Jamalludin memaklumkan terdapat beberapa elemen penting yang diamalkan iaitu komitmen pengurusan PTAR, menyusun strategi awal dengan cukup persediaan, mengamalkan budaya kecemerlangan dan melibatkan semua pustakawan profesional. Beliau seterusnya menjelaskan bahawa sejak awal penyertaan, pihak pengurusan PTAR sentiasa menganggap AKNC sebagai satu agenda yang penting dan pada awal setiap tahun, Ketua Pustakawan akan memberikan '**bayangan**' tentang penyertaan AKNC pada tahun seterusnya bertujuan memberikan semangat dan motivasi kepada warga PTAR.

Cabaran-cabaran dalam penulisan laporan AKNC

Bagi pihak PTAR, cabaran utama yang dihadapi ialah menentukan skop dan bidang tumpuan yang memberi impak kepada Jabatan. Isu ini ditangani dengan membuat perbincangan, analisa dan penerangan bagi mencari skop dan bidang tumpuan penting yang boleh memaparkan apa dan siapa PTAR. Seterusnya, cabaran dalam menghasilkan laporan yang mantap. En. Jamalludin menerangkan para penulis menghadapi cabaran menulis laporan terhad mengikut batasan mukasurat yang telah ditetapkan. Selain itu, beliau memberitahu, cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menghasilkan laporan AKNC ialah pemerolehan data dan bukti sokongan, penentuan terma-terma kepustakawanan dan terjemahan yang jelas, memahami rubrik penilaian, aspek ketelitian laporan dan penghasilan laporan yang padat dan menarik.

Best Practices Dalam Penulisan AKNC

En. Jamalludin turut berkongsi beberapa *best practices* yang dipraktikkan oleh pihak PTAR bagi memastikan kelancaran penulisan laporan AKNC. Antaranya ialah membangunkan *Executive Information System (EIS) Version 3* bagi mengatasi masalah mendapatkan data dan statistik. Sistem pengurusan statistik ini telah dibangunkan secara *in-house* bagi mengumpulkan data yang boleh dipercayai dan memudahkan proses penulisan laporan AKNC. Seterusnya, pembangunan perpustakaan digital bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dapat diteruskan sepanjang masa.

Sementara itu, perancangan strategik juga merupakan antara *best practices* PTAR yang mana penekanan bertumpukan teras strategik UiTM dan juga penjagaan kualiti kecemerlangan global prestasi berorientasikan nilai-nilai yang ditetapkan oleh UiTM. *Best practices* seterusnya ialah komitmen PTAR dalam penyertaan AKNC dengan menampilkan kumpulan yang dinamik dan memantapkan tenaga-tenaga baharu agar sama-sama bergiat dan meneruskan semangat AKNC ini. En. Jamalludin juga memaklumkan pembudayaan inovasi dan kreativiti merupakan *best practice* yang telah dilaksanakan secara konsisten sejak 2008 hinggalah kini. Pihak PTAR telah seringkali mengikuti pelbagai program dan pembentangan inovasi dan kreativiti di dalam dan juga luar negara, antaranya, Geneva dan Manila.

Harapan

Kejayaan yang diraih tidak pernah dianggap sebagai titik noktah untuk berhenti belajar. En. Jamalludin mewakili PTAR beranggapan pembelajaran berterusan haruslah diamalkan, bukan sahaja demi AKNC, namun dalam pelbagai bidang mahupun arena yang lain. Beliau berharap agar AKNC dapat diteruskan sebagai medium penting dalam menyerlahkan kecemerlangan PTJ, umumnya dan PTAR, khasnya.

"Penambahbaikan berterusan, **bersungguh-sungguh** dalam berkerja,
konsisten dan **sabar**, teras **kejayaan** PTAR"

"AKNC SENTIASA DI HATI WARGA PTAR"

- En. Jamalludin Hj. Sulaiman -

Petikan daripada Program *Sharing Session* AKNC pada 24 Mei 2021



**“Ilmu adalah yang memberikan manfaat,
bukan sekadar hanya dihafal”**

- Imam Syafi'i -



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Kualiti dan
Pengembangan
Ilmu

IMBASAN PROGRAM *SHARING SESSION*

AKNC

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

24 MEI 2021

FAKULTI PERAKAUNAN
JUARA FAKULTI AKNC TAHUN 2019

WINNING MINDSET ANTARA ELEMEN PEMBUDAYAAN AKNC DI FAKULTI PERAKAUNAN

Imbasan Program *Sharing Session* AKNC 2021 diteruskan dengan mengimbas perkongsian salah seorang panel jemputan sesi tersebut iaitu Pensyarah Kanan, Fakulti Perakaunan, Pn. Rohayu Yusop. Beliau yang juga bertanggungjawab sebagai Pengurus AKNC Fakulti Perakaunan, telah berkongsi ilmu dan pengalaman serta beberapa perkongsian lain sepanjang penglibatan dalam AKNC. Sebelum ini, Fakulti Perakaunan telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan AKNC 2018 dan juga Juara Peringkat Fakulti AKNC 2019.

Pembudayaan AKNC di Fakulti Perakaunan

Pn. Rohayu telah berkongsi tentang pembudayaan AKNC di Fakulti Perakaunan yang telah diamalkan oleh warga Fakulti tersebut sejak awal lagi iaitu pembudayaan kecemerlangan (*culture of excellence*) yang diserapkan dan dipraktikkan dalam proses kerja. Selain itu, warga Fakulti Perakaunan juga mengamalkan budaya penambahbaikan berterusan (*continuous quality improvement*) yang mana memerlukan penghayatan yang baik dari semasa ke semasa. Beliau juga turut memaklumkan budaya fokus kemenangan (*winning mindset*) kepada penghasilan penulisan terbaik dan budaya kebersamaan (*togetherness*) yang melibatkan semua lapisan warga di Fakulti Perakaunan merupakan antara elemen penting dalam pembudayaan AKNC ini.

Cabaran-cabaran dalam penulisan laporan AKNC

Beliau menerangkan terdapat dua kategori cabaran yang dihadapi iaitu cabaran di pihak urusetia dan di peringkat penulis. Cabaran pihak urusetia ialah pengurusan penulisan laporan AKNC di mana pihak urusetia harus memahami dengan baik dan sebolehnya **'menjiwai'** setiap maklumat yang diberikan oleh pihak Sekretariat dalam setiap sesi taklimat AKNC bagi mengelakkan sebarang kesulitan dalam proses penulisan laporan dan kepincangan dalam laporan yang dihasilkan.

Cabaran utama di peringkat penulis pula ialah dari segi masa dan komitmen. Sungguhpun pihak urusetia telah membuat perancangan awal, namun kekangan-kekangan yang dihadapi membataskan para penulis untuk memulakan penulisan lebih awal. Manakala cabaran lain di peringkat penulis ialah data dan kemahiran menulis. Penulis menghadapi cabaran dalam mengenalpasti bukti dalam data bagi pembuktian kepada kenyataan-kenyataan yang ditulis dalam laporan AKNC. Setiap penulis juga mempunyai kemahiran menulis berbeza yang mana perlu digilap dan diberikan bimbingan oleh pihak urusetia agar semua penulis dapat menghasilkan penulisan yang tepat dan padat.

***Best practices* dalam penulisan AKNC**

Pn. Rohayu telah berkongsi beberapa *best practices* yang telah dibudayakan daripada dahulu sehingga sekarang iaitu penglibatan kepimpinan kanan dalam penyediaan laporan AKNC samada dalam bentuk sokongan mahupun melibatkan diri dalam membuat penilaian laporan AKNC. *Best practice* seterusnya ialah penglibatan ramai penulis sebagai memudahkan proses penulisan. Selain itu, penyediaan rangka kerja sebelum penulisan dan mewujudkan penilai dalaman juga merupakan *best practices* Fakulti Perakaunan. Beliau turut mendedahkan salah satu strategi Fakulti tersebut untuk meraih kemenangan ialah pemilihan bidang tumpuan yang bertepatan dengan pencapaian yang ada pada Fakulti Perakaunan.

Harapan

Menurut Pn. Rohayu, pembabitan warga Fakulti Perakaunan dalam AKNC bukanlah sekadar untuk mengejar kemenangan semata-mata, namun apa yang penting, kebaikan-kebaikan dan sumbangan yang diperoleh daripada penulisan AKNC. Beliau berharap agar semua warga Fakulti Perakaunan, khususnya dan semua PTJ amnya, sentiasa mewujudkan budaya kualiti dan semangat kerjasama bagi mencapai kecemerlangan organisasi dan juga individu.



"Pemilihan **bidang tumpuan**
yang bertepatan dengan pencapaian yang ada
pada Fakulti Perakaunan merupakan
salah satu **strategi** kami
untuk meraih kemenangan"

**// QUALITY
IS
US //**

- Pn. Rohayu Yusop -

Petikan daripada Program *Sharing Session* AKNC pada 24 Mei 2021

“Ilmu adalah kehidupan bagi pikiran”

- Saidina Abu Bakar-



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Kualiti dan
Pengembangan
Ilmu

IMBASAN PROGRAM *SHARING SESSION*

AKNC

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

24 MEI 2021

UiTM CAWANGAN PERAK

NAIB JUARA UiTM CAWANGAN AKNC TAHUN 2019

TOTAL INVOLVEMENT
OLEH SEMUA WARGA KAMPUS
ANTARA FAKTOR KEJAYAAN UiTM CAWANGAN PERAK

Ketua Unit Kualiti, UiTM Cawangan Perak, Prof. Madya Sr. Dr. Thuraiya Mohd selaku salah seorang panel jemputan Program *Sharing Session* AKNC 2021 telah turut sama berkongsi mencurahkan ilmu dan pengalaman sepanjang melibatkan diri dalam penulisan dan pengurusan AKNC. Penglibatan Prof. Madya Sr. Dr. Thuraiya dalam penulisan AKNC adalah sejak 2005, justeru, beliau berpengalaman luas dan tidak asing lagi dalam mengendalikan AKNC. UiTM Cawangan Perak telah menjuarai AKNC sebanyak empat kali bagi Kategori Juara Keseluruhan dan enam kali sebagai Juara Peringkat Cawangan.

Pembudayaan AKNC di UiTM Cawangan Perak

Menurut Prof. Madya Sr. Dr. Thuraiya, dalam membudayakan AKNC di UiTM Cawangan Perak, apa yang paling utama ialah penglibatan secara menyeluruh (*total involvement*) oleh staf dan pelajar dalam pelbagai aspek. Penglibatan secara menyeluruh ini turut membabitkan penambahbaikan atau kemajuan berterusan (*continuous improvement*). Bagi memastikan penambahbaikan dan kemajuan berterusan, pihak Pengurusan UiTM Cawangan Perak sentiasa menekankan aspek amalan budaya kerja berkualiti di kalangan semua warga agar kualiti penyampaian perkhidmatan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Cabaran-cabaran dalam penulisan laporan AKNC

Selanjutnya, Prof Madya Sr. Dr. Thuraiya menerangkan tentang cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menjayakan AKNC. Pertama, cabaran untuk menghasilkan penulisan kreatif. Beliau menjelaskan bahawa pada awalnya beliau menghadapi kesulitan dalam memahami penulisan kreatif dan kesukaran memastikan kesinambungan setiap konsep penulisan bagi memenuhi kriteria penilaian. Namun, setelah kefahaman telah dicapai, penulisan kreatif dapat dihasilkan mengikut kriteria yang digariskan.

Manakala cabaran kedua pula ialah data. Data yang diterima daripada pelbagai sumber kadangkala tidak memenuhi kriteria yang diberikan dan menjadi cabaran penulis untuk menterjemah data kepada bentuk penulisan. Seterusnya, cabaran ketiga iaitu pembuktiaan. Menurut Prof. Madya Sr. Dr. Thuraiya, terdapat pencapaian yang tidak dapat dipersembahkan kerana tiada pembuktian yang konkrit yang mana sangat penting dalam penulisan bagi memenuhi kriteria penilaian.

Best practices dalam penulisan AKNC

Dalam perkongsian *best practices*, beliau menjelaskan bahawa **pemilihan bidang tumpuan yang tepat** merupakan amalan utama yang dipraktikkan oleh UiTM Cawangan Perak. Bagi memilih bidang tumpuan yang tepat, terdapat pelbagai peringkat yang harus dilalui seperti meneliti pencapaian tahunan, memilih pencapaian yang signifikan, mengenalpasti kekuatan dan mengadakan simulasi pemarkahan. Amalan terbaik seterusnya ialah menggunakan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) sebagai platform penambahbaikan pengurusan kualiti setiap peringkat. Bagi mengumpulkan data yang mempunyai format seragam, UiTM Cawangan Perak telah membangunkan *template* MKSP yang mengandungi format berdasarkan AKNC.

Sokongan padu daripada pengurusan atasan pula merupakan amalan terbaik seterusnya di UiTM Cawangan Perak. Sokongan pengurusan yang jitu bukan sahaja hanya untuk AKNC malah dalam pelbagai aspek adalah tunggak kekuatan bagi memotivasikan semua warga untuk terus mengamalkan budaya kerja berkualiti dan melancarkan pentadbiran organisasi. Sementara itu, Prof. Madya Sr. Dr. Thuraiya menjelaskan bahawa latihan intensif turut diberikan kepada penulis laporan AKNC bagi memantapkan penulisan dan meraikan semua warga yang terlibat setelah meraih kemenangan sebagai pengiktirafan. Amalan-amalan terbaik yang telah dinyatakan sentiasa dipraktikkan oleh warga UiTM Cawangan Perak bagi mencapai kecemerlangan organisasi.

Harapan

Kecemerlangan keseluruhan warga sesebuah organisasi merupakan aspek penting dalam meraih kejayaan bukan sahaja AKNC malah pelbagai bidang yang lain. Justeru itu, Prof. Madya Sr. Dr. Thuraiya berharap kecemerlangan warga UiTM Cawangan Perak, khususnya dan keseluruhan UiTM, amnya, dapat diteruskan dari semasa ke semasa, bukan sahaja di peringkat dalam negara, malah di peringkat antarabangsa jua.

"Sikap yang **optimis**, sistem **kualiti** yang
baik dan semangat kerja **berpasukan**
tunggak kecemerlangan organisasi"

**"GENGGAM BARA API
BIAR SAMPAI
JADI ARANG"**

- Prof. Madya Sr. Dr. Thuraiya Mohd -

Petikan daripada Program *Sharing Session* AKNC pada 24 Mei 2021





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Kualiti dan
Pengembangan
Ilmu

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel: +603-5543 5702 Fax: +603-5543 5721
<http://inqka.uitm.edu.my/>

